

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(B)49**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM  
YB KUMARAN KRISHNAN**

49. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membuat kajian semula cukai taksiran?
- (a) Memandangkan kos sara hidup di Pulau Pinang semakin meningkat, adakah wajar kerajaan meningkatkan lagi cukai taksiran yang akan membebankan rakyat?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

49. Cukai taksiran merupakan bayaran cukai yang dikenakan terhadap semua pegangan atau hartanah di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi kawasan pulau, dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi kawasan Seberang Perai. Peruntukan di bawah Seksyen 127, Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] telah memberi kuasa kepada PBT untuk mengenakan kadar bayaran kepada pegangan yang berada di dalam kawasan pentadbiran PBT. Jenis-jenis harta yang dikenakan cukai taksiran misalnya seperti bangunan kediaman,

bangunan perniagaan, tanah pembangunan, tanah pertanian dan sebagainya.

PBT bertanggungjawab dalam memberi perkhidmatan perbandaran yang cekap dan efisien secara berterusan kepada penduduk di dalam kawasan pentadbirannya. Perkhidmatan perbandaran yang disediakan adalah seperti memelihara tempat-tempat awam, menyediakan kemudahan infrastruktur, meningkatkan ekonomi yang dinamik dan berdaya saing, menyediakan perkhidmatan pembuangan dan pelupusan sampah serta sisa pepejal, memelihara kesihatan awam dan sebagainya.

Bagi menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan ini, PBT memerlukan sumber kewangan yang mencukupi untuk memberikan perkhidmatan yang sempurna selari dengan keperluan. Justeru, kutipan cukai adalah salah satu sumber pendapatan PBT bagi membiayai kos-kos yang terlibat dalam penyediaan perkhidmatan tersebut.

Cukai taksiran bagi sesebuah pegangan adalah berasaskan pada penetapan nilai tahunan dan kadar peratusan. Bagi kadar peratusan,

kadar yang berbeza-beza boleh diubah setiap tahun mengikut keperluan kewangan PBT dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN), namun nilai tahunan tidak boleh disemak (kecuali ada tambahan/pengurangan dan tukar guna) sehingga sesuatu Senarai Nilai Baru disediakan.

Menurut Seksyen 137(3), Akta 171, PBT diwajibkan untuk menyediakan dan menyiapkan suatu Senarai Nilai Baru setiap lima (5) tahun atau dalam tempoh yang dilanjutkan sebagaimana yang ditentukan oleh PBN. Sebagai makluman bersama, senarai nilai bagi kedua-dua PBT di Negeri Pulau Pinang akan tamat tempoh sah laku pada 31 Disember 2024. Justeru itu, kedua-dua PBT iaitu MBPP dan MBSP telah menyediakan Cadangan Senarai Nilai Baru 2025 dan telah dirujuk ke Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) untuk dibuat semakan akhir sebelum diangkat ke peringkat PBN untuk pertimbangan.

- (a) Penyediaan suatu Senarai Nilai Baru adalah menjadi kewajipan dan rutin yang perlu disediakan oleh PBT dalam setiap lima (5) tahun bagi tujuan semakan semula cukai

taksiran di kawasan pentadbiran masing-masing selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 137(3), Akta 171. Seterusnya, Senarai Nilai Baru yang disediakan ini akan dibentangkan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk dibincangkan dan dipertimbangkan berdasarkan pelbagai aspek termasuklah kewajaran kadar cukai taksiran ditingkatkan dan juga kepentingan-kepentingan lain sebelum keputusan dibuat. Kelulusan PBN melalui MMKN adalah diperlukan bagi membenarkan PBT mengesahkan dan melaksanakan Senarai Nilai Baru sama ada dengan atau tanpa apa-apa pindaan sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 143(1), Akta 171. Proses ini akan berulang setiap lima (5) tahun atau dalam tempoh yang dilanjutkan sebagaimana yang ditentukan oleh PBN.